

609:
MAHATHIR

1975

SHAH ALAM, 14 MEI (BERNAMA)-- LEBIH BANYAK PAMIRAN SENILUKIS DAN SENIREKA PERLU DIADAKAN DI NEGARA INI BAGI MENAMBAH MINAT ORANGRAMAI TERHADAP SENI TERSEBUT, KATA MENTERI PELAJARAN, DR. MAHATHIR MOHAMAD.

PAMIRAN HITU HENDAKLAH DIADAKAN TIDAK SAJA DI BANDAR-BANDAR BESAR MALAHAN DI KAWASAN-KAWASAN KECIL DI LUAR-BANDAR.

LANGKAH ITU DAPAT MENJAYAKAN USAHA UNTUK MELETAKKAN SENILUKIS DAN SENIREKA KE TINGKATAN YANG LEBIH TINGGI DAN LEBIH WAJAR.

DR. MAHATHIR BERPENDAPAT PADA MASA INI KARYA SENI TERSEBUT YANG DIHASILKAN OLEH SENIMAN TEMPATAN BELUM DINIKMATINYA SEPENUHNYA OLEH MASYARAKAT.

BELIAU TELAH BERUCAP MERESMIKAN PAMIRAN SENILUKIS DAN SENIREKA YANG KELIMA DI INSTITUT TEKNOLOGI MARA DI SINI HARI INI. -- BERSAMBUNG 1735/1B

610:
MAHATHIR 2 SHAH ALAM

DR. MAHATHIR BERKATA KERAJAAN YAKIN PELAJARAN SENILUKIS DAPAT MEMAINKAN PERANAN PENTING DALAM BIDANG PELAJARAN DAN DIDIKAN ANAK-ANAK.

NEGARA MEMERLUKAN LEBIH RAMAI ANAK MUDA YANG BERJIWA SENI DAN BERBAKAT ATAU BERKEBOLEHAN SEBAGAI PELUKIS, PENDIDIK DAN PEREKA BENTUK YANG KREATIF.

MEREKA MERUPAKAN HGOLOGAN YANG DAPAT MEMBENTUK SATU IDENTITI BANGSA DISAMPING MEMBENTUK BARANG-BARANG PENGELURAN PERUSAHAAN YANG AMAT DIPERLUKAN SEKARANG.

BAGI TUJUAN ITU, KEMENTERIAN PELAJARAN AKAN MENGAMBIL LEBIH RAMAI LAGI GURU DALAM USAHA MEMPERBAIKI NUTU PENGAJARAN DAN DIDIKAN SENILUKIS DI SEKOLAH-SEKOLAH.

BELIAU MENYERU PARA SISWASAH ITM YANG TELAH LULUS DI BIDANG SENILUKIS DAN SENIREKA SUPAYA MENGADAKAN PAMIRAN PERSEORANGAN, MEMASUKI PERTANDINGAN DAN MENJADI AHLI PERTUBUHAN SENILUKIS DI NEGARA INI. -- BERNAMA 1738/1B

622:

MAHATHIR 3 SHAH ALAM (SAMBUNGAN BERITA 610)

SEMENTARA ITU, PEMANGKU PENGARAH ITM, ENCIK TAHIR MAJID MENYERU SISWAZAH-SISWAZAH YANG BARU LULUS DARI ITM SUPAYA JANGAN MENGHARAPKAN KERJA-KERJA MAKAN GAJI TETAPI HENDAKLAH BERUSAHA SENDIRI SEBAGAI USAHAWAN DALAM BIDANG YANG MEREKA PELAJARI.

KATANYA, PADA MASA INI TERDARAT TIDAK KURANG DARIPADA EMPAT BUAH SYARIKAT IKLAN DAN PERUNDING, TELAH DITUBUHKAN OLEH BEKAS PENUNTUT-PENUNTUT KAJIAN ITU.

BAGAIMANAPUN, ENCIK TAHIR BERTERIMA KASIH KEPADA BADAN-BADAN KERAJAAN DAN SWASTA YANG TELAH MENARUH KEPERCAYAAN PENUH KEPADA PENUNTUT-PENUNTUT ITM.

+KAMI YAKIN KEPERCAYAAN INI AKAN TERUS DIBERI KEPADA KAMI PADA MASA-MASA YANG AKAN DATANG, + TAMBAHNYA. 199

ENCIK TAHIR MEMBERITAHU KAJIAN SENILUKIS DAN SENIREKA ITM TELAH MENDAPAT BANTUAN BIASISWA DARIPADA KERAJAAN-KERAJAAN AMERIKA SYARIKAT, BRITAIN, ITALY DAN JEPUN DI SAMPING BANTUAN BUKU DAN ALAT DARIPADA BADAN-BADAN LAIN DAN PERSEORANGAN.

MENGENAI AKTIBITI PENUNTUT KAJIAN INI, BELIAU MENERANGKAN, BARU-BARU INI BEBERAPA ORANG PENUNTUT TELAH MEMBUAT SATU KAJIAN MENDALAM MENGENAI HASIL SENIREKA TRADISIONAL MELAYU DALAM USAHA UNTUK MEMPERBAIKINYA.

SERAMAI 51 ORANG PENUNTUT YANG TAMAT PENGAJIAN MEREKA DALAM KAJIAN ITU TELAH MEMPAMIRKAN KARYA-KARYA YANG BERBENTUK SENILUKIS DAN REKABENTUK. PAMIRAN INI AKAN BERAKHIR PADA AHAD INI. -- BERNAMA 1648/LK

HARAP BACA PARA DUA ... DARIPADA EMPAT BUAH SYARIKAT IKLAN DAN PERUNDING SENIREKA (ULANG) PERUNDING SENIREKA ...